

# Buletin



UNIVERSITI  
TEKNOLOGI  
MARA

e-ISSN: 2600-8289

Muharram 1446H/ Julai 2024

# ACIS

## Aplikasi Kaedah Fekah *Al-Umur Bi Maqasidiha* Dalam Konteks Hijrah Masa Kini

Inspirasi Hijrah Kepada Generasi Muda **6**

Menggapai Kecemerlangan Melalui Hijrah Nabi **8**

Hikmah Hijrah Rasulullah SAW **9**

Karya Kreatif: Sumber Idea Berlandaskan Pengalaman dan Teknik  
Pengembangan Idea **11**

Mengungkap Hijrah Harta : Sorotan Webinar Eksklusif Zakat  
Pendapatan **13**

Puisi: Ilustrasi Ilham Ke Naskah Kreatif **16**

eISSN 2600-8289



9 772600 828001

# Mengungkap Hijrah Harta: Sorotan Webinar Eksklusif Zakat Pendapatan

Oleh:

**Dr. Mohd. Kamel bin Mat Salleh, Dr Rafidah Mohd Azli, et.al<sup>1</sup>**

Hijrah Rasulullah SAW dan para sahabat dari Mekah ke Madinah telah berlaku 1446 tahun yang lampau. Ibrah dan pengajarannya masih diperbincangkan saban tahun setiap kali munculnya detik 1 Muharram dalam kalendar hijri.

Hijrah dan zakat adalah dua konsep penting dalam Islam yang memiliki kaitan erat, terutama dalam konteks sosial dan ekonomi. Bagaimanakah kedua-dua konsep hijrah dan zakat ini saling berhubungan? Hijrah merujuk pada perpindahan Nabi Muhammad dan para pengikutnya dari Mekah ke Madinah pada tahun 622 Masihi. Peristiwa ini tidak hanya merupakan tunggak sejarah keagamaan, tetapi juga membawa dampak sosial, politik, dan ekonomi yang signifikan.

Hijrah memerlukan kepada pengorbanan segala kepentingan membabitkan harta benda dan nyawa. Orang-orang Islam yang mula berhijrah berhadapan dengan pelbagai risiko disebabkan halangan yang dilakukan oleh golongan musyrikin dan penguasa Mekah ketika itu. Namun ia tidak menghalang semangat juang para sahabat untuk meneruskan hijrah sehingga berjaya sampai ke destinasi yang dituju dengan selamat.

Zakat adalah salah satu dari lima rukun Islam dan merupakan kewajiban bagi setiap Muslim yang mampu dari sudut kewangan. Zakat bertujuan untuk membersihkan harta dan membantu mereka yang memerlukan.

Dalam konteks komuniti di institusi pengajian tinggi, terdapat golongan yang amat memerlukan kewangan bagi kelangsungan tahap pendidikan mereka iaitu para penuntut di pelbagai peringkat pengajian. Dalam masa yang sama terdapat golongan yang berpendapatan tinggi dalam institusi yang sama iaitu para kakitangan dari pelbagai peringkat jawatan. Zakat pendapatan adalah salah satu solusi bagi memenuhi keperluan kewangan para penuntut dengan cara skim potongan zakat berjadual. Skim ini memudahkan kakitangan institusi mengeluarkan zakat secara potongan bulanan dan institusi zakat yang menerima zakat tersebut akan menyerahkan semula zakat tersebut kepada pihak institusi pengajian tinggi berkenaan untuk diagihkan kepada para penuntut yang dikenalpasti sebagai asnaf. Walau bagaimanapun, terdapat kakitangan yang masih belum mengetahui tentang mekanisme skim potongan zakat berjadual ini.

<sup>1</sup> Laporan ini ditulis bersama ahli Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) Hibrid ZAWAF UiTM CNS-UKM iaitu Prof. Madya Dr. Nadia binti Dzulkifli, Dr. Adibah binti Bahori, Hajah Makiah Tussaripah binti Jamil, Mohamad Faizul bin Abdan, Dr. Intan Syaherra binti Ramli, Siti Nur Husna binti Abd Rahman (Universiti Teknologi MARA Cawangan Negeri Sembilan) dan Dr. Anwar bin Muttaqin, Dr. Nik Abdul Rahim bin Nik Abdul Ghani, Dr. Md. Yazid bin Ahmad (Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia)

Sehubungan dengan itu, pada 11 Julai 2024, Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) Hibrid ZAWAF UiTM CNS – UKM telah mengadakan satu webinar yang bertajuk : Webinar Eksklusif Zakat Pendapatan bagi memberi pengetahuan dan kesedaran tentang zakat pendapatan dan Skim Potongan Zakat Berjadual. Webinar ini telah jayanya di adakan dengan menggunakan platform dalam talian Google Meet dan dikelola oleh sembilan orang ahli kumpulan KIK yang dibantu oleh Fasilitator Profesor Madya Chm Dr. Nur Nadia binti Dzulkifli. Webinar ini dirasmikan oleh beliau sendiri selaku Ketua Unit Pengurusan Kualiti UiTM Cawangan Negeri Sembilan. Webinar ini di bantu juga oleh seorang pensyarah sambilan ACIS Kampus Rembau.

Sebanyak empat modul berkenaan zakat pendapatan telah dikongsikan kepada peserta webinar ini. Empat modul tersebut adalah bertajuk ; “Siapa Wajib Bayar Zakat Pendapatan?”, “Wajibkah Zakat Pendapatan?”, “Kaedah Pengiraan Zakat Pendapatan”, dan “Skim Potongan Zakat Pendapatan”. Dua orang penceramah telah dijemput bagi menyampaikan modul- modul berkenaan iaitu Dr Mohd Kamel bin Mat Saleh dari Akademi Pengajian Islam Kontemporari UiTM Kampus Seremban, dan Dr Anwar bin Muttaqin dari Pusat Kajian Arab dan Tamadun Islam, Fakulti Pengajian Islam Universiti Kebangsaan Malaysia.



Gambar 1: Dr Mohd Kamel sedang menyampaikan modul dan memberi taklimat *Hands On Skim Potongan Zakat Berjadual*

Webinar tersebut telah dihadiri oleh seramai 108 orang peserta dari kakitangan UiTM Cawangan Negeri Sembilan dan Universiti Kebangsaan Malaysia.

Webinar ini membincangkan berkenaan dengan salah satu kategori yang diwajibkan zakat iaitu zakat gaji atau pendapatan. Pelopor kepada kewajaran harta ini dicetuskan oleh Dr. Yusof al-Qaradawi dalam bukunya yang terkenal *Fiqh al-Zakah*. Beliau berpandangan bahawa gaji dan pendapatan profesional termasuk dalam sumber harta yang

diwajibkan zakat kerana ia termasuk dalam *al-mal al-mustafad* (harta perolehan) hasil dari gaji, upah atau bayaran kepada pekerjaan yang dilakukan oleh seseorang.



Gambar 2 : Penceramah Dr Anwar Muttaqin sedang menyampaikan modul



Gambar 3 : Para Peserta Webinar Eksklusif Zakat Pendapatan yang sempat bergambar

Isu ini mula mendapat perhatian Kerajaan Malaysia apabila Menteri Kewangan dalam ucapannya bertarikh 24 Mac 1990 di majlis pelancaran Buku Pengiraan Zakat di Kementerian Kewangan memaklumkan, berdasarkan statistik tahun 1988, terdapat sebahagian besar daripada 7.6 juta mereka yang bekerja dan memperolehi gaji serta pendapatan adalah mereka yang beragama Islam. Sekiranya gaji ini dikeluarkan zakat, mereka adalah pembayar zakat terbesar di Malaysia. Bengkel Taksiran Zakat di Ayer Keroh pada 20-22 Ogos 1990 pula telah mengeluarkan resolusi "Majlis Fatwa Kebangsaan patut mengeluarkan fatwa bahawa gaji dan pendapatan professional diwajibkan zakat".

Isu ini akhirnya dibawa ke Muzakarah Fatwa Kebangsaan - sekarang dikenali sebagai Jawatankuasa Muzakarah Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia - (Jawatankuasa Muzakarah MKI).

Muzakarah Kali Ke-31 dan Muzakarah Khas yang bersidang pada 9 Disember 1992 telah membincangkan Zakat Gaji & Pendapatan Profesional memutuskan bahawa:

1. Umat Islam boleh mengeluarkan zakat daripada pendapatan gaji dan Jabatan Hasil Dalam Negeri hendaklah memberi rebat zakat ke atas jumlah yang dibayar itu.
2. Pendapatan professional diwajibkan zakat kerana ia termasuk dalam zakat perniagaan.

Isu ini dibincangkan lagi dalam Muzakarah Khas Jawatankuasa Fatwa MKI pada 22 Jun 1997 dan memutuskan bahawa zakat ke atas pendapatan penggajian adalah wajib bagi orang yang layak mengeluarkan zakat. Keputusan Muzakarah ini diterima di peringkat negeri apabila beberapa buah negeri termasuk Negeri Sembilan dan Selangor.

Jawatankuasa Fatwa Negeri Sembilan yang bersidang pada 8 Jun 1998 telah mewajibkan zakat pendapatan bagi umat Islam yang layak di Negeri Sembilan.

Manakala Jawatankuasa Perunding Hukum Syarak Negeri Selangor pada 16 Januari 2001 telah mengeluarkan fatwa bahawa:

1. Hukum zakat pendapatan adalah wajib ke atas umat Islam.
2. Semua umat Islam yang tinggal atau bekerja di Selangor hendaklah membayar zakat pendapatan kepada Pusat Zakat Selangor.

Justeru apabila hukum dan fatwa yang dikeluarkan oleh badan berautoriti berkaitan hukum syarak, maka tiada sebab kepada umat Islam untuk menolak atau mempertikaikannya. Lantaran falsafah kepada pelaksanaan zakat ini berasaskan kepada *masalah* (kepentingan semasa masyarakat), sifat *ta'awun* (tolong menolong bantu membantu) kepada mereka yang memerlukan iaitu golongan asnaf itu sendiri.

Firman Allah SWT yang bermaksud "*Wahai orang-orang yang beriman, belanjakanlah (pada jalan Allah) sebahagian dari hasil usaha kamu yang baik-baik, dan sebahagian dari apa yang Kami keluarkan dari bumi untuk kamu. Janganlah kamu sengaja memilih yang buruk daripadanya (lalu kamu dermakan atau kamu jadikan pemberian zakat), padahal kamu sendiri tidak sekali-kali akan mengambil yang buruk itu (kalau diberikan kepada kamu), kecuali dengan memejamkan mata padanya, dan ketahuilah, sesungguhnya Allah Maha Kaya, lagi sentiasa Terpuji*" (Surah Al-Baqarah: 267).

Firmannya lagi yang bermaksud "*Ambillah (sebahagian) daripada harta mereka menjadi sedekah (zakat) supaya dengannya engkau membersihkan mereka (daripada dosa) dan mensucikan mereka (daripada akhlak yang buruk) dan doakanlah untuk mereka, kerana sesungguhnya doamu itu menjadi ketenteraman bagi mereka, dan (ingatlah) Allah Maha Mendengar lagi Maha Mengetahui*" (Surah At-Taubah: 103).


Dalam ayat yang lain Allah SWT berfirman yang bermaksud "*Dan jangan sekali-kali orang yang bakhil dengan harta benda yang telah dikurniakan Allah kepada mereka dari kemurahanNya - menyangka bahawa keadaan bakhilnya itu baik bagi mereka. Bahkan ia adalah buruk bagi mereka. Mereka akan dikalungkan (diseksa) dengan apa yang mereka bakhilkan itu pada hari kiamat kelak, dan bagi Allah jualah hak milik segala warisan (isi) langit dan bumi. (Ingatlah), Allah Maha Mengetahui dengan mendalam akan segala yang kamu kerjakan*" (Surah Ali Imran: 180).

Ancaman mereka yang tidak mahu berzakat disebut oleh Rasulullah SAW dalam sebuah hadis yang bermaksud "*Sesiapa yang dikurniakan oleh Allah harta dan tidak mengeluarkan zakatnya, maka hartanya pada hari kiamat dijadikan seekor ular yang mempunyai dua taring, dan kepala yang tidak berbulu kerana terlalu banyak bisanya. Ia akan membelit dan menggigitnya dengan kedua-dua rahangnya sambil berkata: akulah hartamu, akulah simpananmu*" (Riwayat al-Bukhari).

Masyarakat Islam yang tidak menunaikan zakat adalah bersalah dan berdosa. Kepada mereka yang cuba mempertikaikan kewajipan membayar zakat termasuk zakat pendapatan juga dianggap berdosa dan boleh membawa kepada kekufuran. Imam al-Nawawi dipetik sebagai berkata "sesiapa yang mengingkari kewajipan berzakat pada masa ini adalah kafir berdasarkan ijma'. Pengetahuan tentang kewajipan berzakat telah tersebar luas dalam kalangan orang Islam sehingga telah diketahui oleh rakyat dan penguasa, termasuk orang alim orang jahil. Oleh itu, tiada alasan bagi sesiapa pun membuat tafsiran (*takwil*) sendiri untuk mengingkarinya.

Orang yang enggan mengeluarkan zakat kerana bakhil dan kedekut sedangkan dia beriktikad akan kewajipan dan kefarduannya, maka dia dianggap fasik, berdosa dan akan dikenakan azab siksa di akhirat. Hal ini bertepatan dengan firman Allah dalam surah Ali Imran ayat 180 seperti yang telah dijelaskan sebelum ini.

Antara inisiatif yang dibawa oleh webinar ini adalah kefahaman potongan zakat dari segi teknikal iaitu cara pengiraan zakat pendapatan berdasarkan panduan dari Majlis Agama Islam Selangor dan Lembaga Zakat Selangor. Dalam slot Dr Anwar, beliau menerangkan kaedah pengiraan zakat pendapatan dengan menggunakan kalkulator zakat pendapatan dari kedua – dua institusi ini.



Gambar 4 : Kaedah Pengiraan Zakat Pendapatan ditunjukkan dalam webinar

Sebagai kesimpulannya, dalam konteks yang lebih luas, hijrah bukan sekadar berpindah secara fizikal dari satu tempat ke tempat yang lain. Malah ia adalah proses membangunkan masyarakat yang lebih progresif dan berdaya maju mendepani cabaran semasa. Hijrah nabi adalah untuk membentuk tapak dan negara Islam yang berdaulat, justeru impaknya untuk masa kini memerlukan kepada sumbangan setiap individu muslim membangunkan negara melalui kaedah memerah segenap keupayaan untuk menguatkan pertahanan dan mengangkat martabat ummah.

Konsep dan acuannya telah ditunjukkan oleh Rasulullah SAW dan para sahabat sebagai penyokong dan pendokong. Pada masa kini, ia terletak kepada kebijaksanaan pemimpin dan ketua negara ke arah pembinaan masyarakat yang bertamadun ini. Pembinaan sesebuah negara bukanlah satu proses singkat, malah ia memerlukan satu jangka masa panjang agar syariat Islam itu dapat diaplikasikan sepenuhnya dalam kehidupan. Ia dapat dibentuk apabila elemen peningkatan ilmu, latihan, pendidikan, kestabilan politik, kemantapan ekonomi dan kebijaksanaan kepimpinan saling melengkapi antara satu sama lain.

Untuk membangunkan sesebuah negara pula ia amat berkait rapat dengan peningkatan ekonomi dalam memastikan kestabilan pentadbiran sesuatu negara. Dalam memacu negara ke arah kemakmuran, zakat disyariatkan dalam Islam untuk membantu meningkatkan sumber ekonomi individu mahupun kerajaan.

Zakat juga adalah pemangkin kepada pembangunan masyarakat dan solidariti sosial sejak zaman hijrah baginda sehingga kini. Ia adalah salah satu instrumen utama yang digunakan untuk memastikan bahawa tidak ada anggota masyarakat yang terabai dan melarat. Ini pastinya membantu memperkuat ikatan sosial dan mewujudkan masyarakat yang lebih adil.

Zakat memainkan peranan yang sangat penting dalam pembangunan ekonomi negara Islam. Sumbangannya yang besar kepada pembangunan ekonomi sejak dahulu antaranya dapat merapatkan hubungan sosial dengan golongan muallaf, juga antara yang kaya dengan yang miskin. Dana zakat juga boleh disalurkan untuk membantu individu dan keluarga yang memerlukan modal perniagaan, membeli peralatan atau mendapatkan latihan yang diperlukan untuk berusaha sendiri memajukan ekonominya. Keterjaminan sosial yang baik di kalangan masyarakat akan dapat diwujudkan kerana ia berupaya mencegah ketidakpuasan hati dan konflik sosial. Kestabilan sosial ini penting untuk menciptakan lingkungan yang kondusif bagi pertumbuhan ekonomi negara.

Zakat menyediakan sumber daya dan dana untuk menangani krisis kemanusiaan dan keperluan mendesak, seperti bencana alam, masalah penyakit, rawatan perubatan, bantuan pendidikan dan lain-lain cabang kebajikan. Dengan bantuan dana program-program berimpak kesihatan dan kesejahteraan ini pasti ia dapat mencapai meningkatkan kualiti hidup masyarakat. Pendidikan yang lebih baik dan layanan kesihatan yang berkualiti kepada rakyat boleh meningkatkan produktiviti modal insan dan tenaga tenaga kerja yang mapan ke arah pertumbuhan ekonomi untuk tempoh jangka panjang.

Justeru, hijrahlah minda dan sikap, ubahlah pemikiran dan lakukan anjakan paradigma untuk menjadi seorang pembayar zakat gaji dan sumber pendapatan kerana harta yang diinfaq dan nafkahkan ini akan membawa kepada kesejahteraan dan kebahagiaan hidup di akhirat kelak. Semoga dengan asbab zakat yang dikeluarkan ini menjadi tiket untuk kita memasuki syurga kelak.

Inilah antara ciri-ciri ahli syurga yang dijanjikan oleh Allah SWT antaranya ialah mereka yang memperuntukkan sebahagian harta mereka kepada golongan yang berkeperluan yang dinafkahkan dalam bentuk zakat. Firman Allah SWT yang bermaksud :

***“Sesungguhnya orang-orang yang bertakwa adalah ditempatkan di dalam beberapa taman Syurga, dengan mata air-mata air terpancar padanya. (Keadaan mereka di sana) sentiasa menerima nikmat dan rahmat yang diberikan kepadanya oleh Tuhan mereka. Sesungguhnya mereka di dunia dahulu adalah orang-orang yang berbuat kebaikan. Mereka sentiasa mengambil sedikit sahaja: Masa dari waktu malam, untuk mereka tidur. Pada waktu akhir malam (sebelum fajar) pula, mereka selalu beristighfar kepada Allah (memohon ampun). Pada harta-harta mereka, (ada pula bahagian yang mereka tentukan menjadi) hak untuk orang miskin yang meminta dan orang miskin yang menahan diri (daripada meminta)”***  
(Surah al-Dharyaat: 15-19).

Sebagai penutup, seluruh jawatankuasa webinar ini ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua peserta yang sudi hadir. Semoga dengan inisiatif webinar ini, lebih ramai kakitangan yang faham dan sedar tentang kepentingan menunaikan zakat dan melaksanakan tuntutan tersebut. Natijahnya, lebih ramai para penuntut di institusi pengajian tinggi dapat dibantu.